

Pantai Sabah, Sarawak lesap 2100

Aras laut naik sehingga 1.06 meter

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Aras laut sepanjang pantai Sabah dan Sarawak dijangka mengalami kenaikan purata antara 0.43 meter (m) dan 1.06m pada 2100, dengan beberapa kawasan sepanjang garis pantai Sarawak akan ditenggelami air laut menjelang tempoh itu.

Berdasarkan kajian, kenaikan aras laut maksimum berlaku di bahagian utara dan timur pesisir pantai Sabah, manakala banjir dijangka di kawasan rendah serta muara sungai di barat daya Sarawak meliputi Meradong yang terletak antara Batang Igan dan Batang Ranganj.

Kawasan berisiko dinaiki air di Sabah pula ialah yang bertopografi rendah dan muara sungai meliputi Tawau, Semporna, Lahad Datu, Sandakan serta Kudat.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam kenyataan, semalam berkata kajian mendapati corak kenaikan aras laut sejak lima tahun lalu menunjukkan peningkatan signifikan berbanding trend bagi tempoh 20 tahun terdahulu.

Kadar kenaikan aras laut purata di sepanjang garis pantai Malaysia

yang dikira daripada data satelit altimeter (1993-2010) ialah 2.73 hingga 7.00 milimeter (mm) setahun.

Unjuran kenaikan aras laut di Semenanjung antara 0.25m dan 0.52m menjelang 2100. Beberapa banjir kecil dijangka berlaku di sepanjang kawasan pantai Semenanjung menjelang 2100 dengan kenaikan aras laut maksimum berlaku di barat laut dan timur laut Semenanjung iaitu Kedah dan Kelantan.

Pakar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), sebelum ini mendakwa menemui kemungkinan beberapa bandar di kawasan rendah terutama berhampiran pantai, ditenggelami air laut dalam tempoh sembilan tahun akan datang berikutan fenomena aras air laut yang semakin meningkat akibat pemanasan global.

Akhbar ini kelmarin memetik Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Prof Ir Dr Abdul Aziz Abdul Samad, sebagai berkata hasil analisis data paras air laut yang direkodkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak 2004 sehingga awal tahun ini mendapati paras air laut negara meningkat secara purata 10 sen-



HAKISAN pantai di Kampung Balak, Batu Pahat semakin serius.

timeter (sm) setiap tahun.

Menurut kenyataan itu, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) iaitu agensi penyelidikan di bawah kementerian, pada dasarnya bersetuju kesan pemanasan global akan menyebabkan fenomena peningkatan paras air laut di pesisiran pantai Malaysia.

Selain itu, NAHRIM tidak menolak pendapat profesional dan pa-

kar universiti mengenai fenomena berkenaan, namun ketepatan unjuran yang dibuat dipengaruhi banyak faktor seperti ketepatan data digunakan, tempoh data serta kaedah analisis.

NAHRIM sudah menjalankan kajian menggunakan kaedah analisis statistik data pasang surut untuk menentukan aras 95 peratus daripada data pasang surut yang direkodkan selama 25 tahun (1984-

2010), di sebanyak 20 stesen pasang surut Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) serta data satelit altimeter selama 17 tahun (1993-2010) di sebanyak 30 stesen, semuanya di sepanjang pesisiran pantai Malaysia.

"Keputusan analisis mendapati corak graf kenaikan aras laut di Malaysia menggunakan data satelit altimeter lebih tinggi berbanding data tolok pasang surut" katanya.

Pulau Pinang terselamat risiko paras laut naik

GEORGETOWN: Pusat Kajian Pantai, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) mendapati Pulau Pinang tidak menghadapi risiko peningkatan paras air laut kerana hanya mencatat kenaikan 2.33 milimeter (mm) setahun.

Pengarahnya, Ir Mohd Radzi Abdul Hamid, berkata pihaknya melakukan kajian di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang melalui Stesen Tolok Pasang Surut yang ditempatkan di beberapa lokasi strategik dan pemantauan satelit.

"Kita akui ada peningkatan tetapi ia tidak memberi impak yang besar atau memberi gangguan kepada kawasan penduduk, pertanian dan perumahan.

"Hanya ada kenaikan di empat lokasi iaitu Sungai Sarawak, Sarawak; Kuala Kedah, Kedah; Kuala Terengganu, Terengganu dan Sandakan, Sabah dengan catatan 0.5 meter pada 2010, tetapi masih awal (kemungkinan ditenggelami) dan tidak memberi sebarang risiko," katanya ketika dihubungi.

Sejak 2004 sehingga awal tahun ini, paras air laut negara dikatakan

meningkat purata 10 sentimeter (sm) setiap tahun.

Mohd Radzi berkata, pihaknya menjalankan kajian lanjut mengenai peningkatan paras laut bagi membolehkan tindakan diambil.

"Semua kajian yang dilakukan masih awal dan baru-baru ini kami membuat lawatan ke kawasan yang sudah dikenal pasti bagi melihat kesan dan risiko pada masa depan.

"Kajian terperinci dijangka dapat diketahui sebelum akhir tahun ini dan kenaikan bukan saja dialami di Malaysia tetapi membabitkan seluruh dunia," katanya.



Kajian terperinci dijangka dapat diketahui sebelum akhir tahun ini dan kenaikan bukan saja dialami di Malaysia tetapi membabitkan seluruh dunia



Mohd Radzi Abdul Hamid
Pengarah NAHRIM

● IMRAN MAKHZAN | BERITA HARIAN



MOHD Hafiq Abdullah menunjukkan pokok rhu dan kelapa yang tumbang akibat dipukul ombak di pantai Terengganu.